

Karya etnografi di luar kebiasaan

» Penulis bermain dengan puisi dalam menggambarkan keadaan masyarakat

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Sastera sering menerima pandangan stereotaip yang menganggap karya kesusastraan tidak memiliki nilai intelektual, sebaliknya sekadar imaginasi dan khayalan pengarang termasuk puisi tradisional seperti pantun serta syair.

Tanggapan karya sastera tidak ilmiah dan akademik itu menyebabkan ia terus terpinggir, sedangkan kandungannya sarat dengan ilmu pengetahuan merentas bidang sekiranya dikaji secara mendalam oleh sarjana mahupun ilmuwan.

Keluhan itu disuarakan pada Wicara Buku Kumpulan Puisi Kasih Bonda: Kampung Paya Kami, di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pensyarah Kanan, Jabatan Pembangunan Sains Sosial, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Aris Arif Mundayat, berkata karya penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 1989, Prof Dr Siti Zainon Ismail bukan sekadar kumpulan puisi, bahkan karya etnografi yang ditulis dalam bentuk puisi.

Katanya, etnografi ialah metodologi berdasarkan pemerha-

tian langsung terhadap kegiatan manusia dalam konteks sosial dan budaya sehari-hari, tetapi tidak ramai pengkaji berani memasukkan aspek puisika dalam penulisan seperti yang dilakukan oleh Prof Siti Zainon, sekali gus menyifatkan buku itu sebagai langka.

Puisi etnografi, lebih unik

"Naskhah ini ialah karya etnografi yang dipersembahkan menerusi puisi yang menjadikannya lebih unik kerana tidak semua etnografer memiliki keupayaan dan keberanian menggambarkan masyarakatnya melalui puisi, sebaliknya lebih cenderung menghasilkan tulisan dalam bentuk prosa.

"Prof Siti Zainon menggambarkan fasa perubahan penduduk di Kampung Bandar Dalam dalam pelbagai aspek, termasuk ekonomi, sosial dan intelektual, sekali gus memberikan kebebasan dan ruang kepada pembaca untuk membuat tafsiran sendiri," katanya pada program yang dikendalikan oleh aktivis seni, Che Shamsudin Othman atau lebih dikenali sebagai Dinsman.


Dr Aris Arif menambah, tulisan Prof Siti Zainon itu boleh menggalakkan lebih ramai penulis untuk melahirkan karya berunsurkan etnografi sama ada dalam genre puisi, cerpen mahupun novel.

"Karya etnografi secara kreatif boleh dibaca oleh semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak berbanding tulisan berbentuk prosa yang mungkin membosankan kerana ia hanya sesuai dibaca oleh mereka yang terdidik dalam disiplin antropologi," katanya pada program yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr Awang Sariyan dan penulis buku ini yang juga Prof Sejarah, Seni dan Estetika, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ubah judul, sukar diterima

Pada majlis itu juga, Prof Siti Zainon turut mendedahkan judul asal karyanya ialah *Kasih Bonda: Puisi Etnografi* kerana berpandangan ia berupaya menjadi antara sumber bahan bacaan ilmiah untuk dikaji oleh sarjana tetapi terpaksa ditukar kerana penerbit menganggapnya terlalu akademik dan sukar diterima oleh pembaca.

"Penulis perlu berani meng-



hasilkan karya berbentuk etnografi kerana ia memastikan generasi baharu menghargai seni dan budaya seperti masyarakat Kelantan yang memiliki jati diri yang kuat serta amat berbangga dengan budaya yang diterapkan dalam kehidupan harian," katanya.

Buku itu turut diterjemahkan ke bahasa Inggeris dengan judul *Bonda's Love: Our Kampung Paya* oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2010 selepas pertama kali diterbitkan oleh DBP pada tahun 2008.

Buku itu mempersembahkan rangkaian puisi yang dilengkapi ilustrasi hitam putih yang berkait dengan memori penulis pada zaman kanak-kanak.

“Naskhah ini ialah karya etnografi yang dipersembahkan menerusi puisi yang menjadikannya lebih unik kerana tidak semua etnografer memiliki keupayaan dan keberanian menggambarkan masyarakatnya melalui puisi, sebaliknya lebih cenderung menghasilkan tulisan dalam bentuk prosa”

Dr Aris Arif Mundayat,
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pembangunan
Sains Sosial, UPM